

Gambar fail menunjukkan kapal selam yang dibangunkan Korea Selatan selepas majlis pentauliahkan di Geoje. Korea Selatan mengumumkan untuk membenarkan anggota tentera wanita berkhidmat di kapal selam. (Foto AFP)



Korea Selatan bakal tugaskan tentera laut wanita di kapal selam

Berita Harian 30/7/2022 (page 41)

Seoul: Bermula 2024, buat julung kalinya Tentera Laut Korea Selatan bakal membenarkan kelasi wanita berkhidmat di kapal selam, satu langkah untuk memperkasa peranan tentera di tengah-tengah isu kekurangan anggota akibat kadar kelahiran negara yang rendah.

Keputusan itu dibuat dalam satu mesyuarat pada Khamis sekali gus menjadikan Korea Selatan negara ke-14 di dunia memperkenankan dasar yang membenarkan anggota wanita menyertai kru kapal selam.

Agensi Berita *Yonhap* melaporkan pihak tentera laut merancang untuk memilih kelasi wanita bermula tahun depan dan mula menghantar mereka untuk berkhidmat pada 2024.

Anggota wanita tidak dibenarkan berkhidmat di kapal selam disebabkan keluasan kapal terhad dan tidak dilengkapi dengan kemudahan asas untuk mereka.

Namun, dengan adanya kapal selam kelas pertengahan seberat 3,000 tan telah membuka jalan untuk memberikan tentera wa-

nita peluang berkhidmat di kapal selam.

Keadaan selesa

Pada 2014, buat pertama kali tentera laut mempertimbangkan kemungkinan untuk menempatkan anggota wanita bertugas di kapal selam. Pada Mei tahun ini, kira-kira 50 wanita diberi peluang melawat kapal selam kelas pertengahan.

“Dari perspektif seorang anggota wanita, saya merasakan keadaan kerja di sana selesa,” kata seorang daripada mereka.

Beliau berkata jika terpilih ia satu pencapaian yang amat membanggakan.

Namun, katanya mungkin terdapat kesukaran untuk tinggal di kapal selam berbanding kehidupan di atas kapal.

Norway menjadi negara pertama yang mula menempatkan tentera wanita bertugas di kapal selam pada 1985.

Kini ada 13 negara, termasuk Amerika Syarikat, Australia, Kanada dan Jepun turut mengambil langkah yang sama. BERNAMA